



KRAFTANGAN
MALAYSIA

promosi
SARUNG
mempesona
/ 2006







Setinggi-tinggi Penghargaan

Kepada

Yang Berbahagia Datin Seri Masnah Rais
Isteri Menteri Kebudayaan, Kesenian
dan Warisan Malaysia



Pengenalan

Kain Sarung merupakan khazanah lama yang tidak boleh ditinggalkan. Ciptaan sarung ini sesuai dipakai bagi lelaki dan wanita dari dulu sehingga kini mengikut kesesuaian cara pemakaiannya. Boleh dikatakan istilah Sarung itu sendiri merupakan kain yang berlipat dua, lebar dua meter dan berjahit di sebelah tepi. Ianya didapati sesuai diguna mengikut cuaca, iklim dan cara hidup penggunaannya.

Dalam usaha menghasilkan rekaan-rekaan yang penuh kesenian ini, ciptaan seni ini telah berubah dari zaman ke zaman. Ini jelas sekali tergambar dari aspek rupa bentuk dan reka corak, kain sarung berciri tersendiri mengikut keperluan kegunaannya sama ada untuk pakaian harian, majlis-majlis tertentu ataupun istiadat. Ilham dan sumber inspirasi dari pencinta-pencinta seni ini akan maka lahirlah ciptaan-ciptaan sarung yang mengandungi estetika yang tersendiri.

Kain sarung adalah kain yang dijahit untuk mencantum hujungnya seperti tiub dan dipakai oleh orang Melayu daripada pinggang hingga ke buku lali. Kain sarung mempunyai tiga bahagian utama iaitu bahan kain, kepala kain dan tepi atau kaki kain.

Kepala Kain



Badan Kain



Kaki Kain



Sejarah

Sarung secara global di Tahiti dan Hawaii sarung dikenali sebagai *Pareo*. Di India pula ianya dipanggil *Sri* dan di Afrika dipanggil *Kanga*, tetapi di Asia Tenggara seperti Malaysia, Filipina, Thailand dan Indonesia lebih dikenali sebagai Sarung.

W.A Graham pada 1908 menyatakan bahawa pakaian wanita Melayu sama seperti pakaian biasa orang lelaki. Pada ketika itu pakaian wanita Melayu ini dibahagikan kepada tiga helai kain sarung iaitu satu yang diikat dari paras pinggang hingga ke buku lali. Manakala yang kedua adalah sejenis kain yang dinamakan *Kembau* iaitu kain yang diikat di bawah lengan menutupi paras dada dan berjuntai ke paras bawah punggung dengan istilah lain berkemban. Seterusnya, kain *Kelubung* iaitu kain panjang yang berfungsi sebagai selendang menutupi bahagian kepala, muka dan bahu si pemakai.

Dahulunya kain sarung boleh dikaitkan dengan pakaian Cik Siti Wan Kembang yang digambarkan sebagai satu lagenda yang begitu indah kerana gabungan kain sarung, kain kemban dan selendang panjangnya. Kain sarung diikat ombak mengalun dihadapan dari jenis kain tenunan songket bunga penuh.



Kain sarung pernah menjadi komoditi ekspor dan perkara yang dinyatakan oleh Munshi Abdullah ketika singgah di Terengganu;

“Terengganu exports at hat time were carefully listed: gold, tom, coffee, pepper, betel nut, silk cloth and fine sarongs interwoven with gold and silver thread, and minor products such as rotan, damar and buffalo ghee.”

Pada hari ini kita menyaksikan satu transisi pemakaian tradisional yang sedikit demi sedikit berubah tetapi masih mengekalkan ciri-ciri lama.



Kain Sarung

Sarung merupakan pakaian tradisi bagi lelaki dan wanita Melayu. Ia memperlihatkan ciri khas iaitu dipakai secara menyarung atau kain dililit pada bahagian pinggang atau dada (berkemban), menutup labuh ke bawah lutut hingga ke buku lali. Kedua-dua punca sisi kain sarung biasanya akan dijahit terlenih dahulu.

Kain sarung ditentukan berdasarkan kepada pembahagian ruang yang menempatkan corak atau motif hias. Bahagian-bahagian tersebut ialah badan, kepala dan kaki kain dan mempunyai peranan dalam menentukan cara ikat kain atau penyusunan motif. Bahagian kepala berhiaskan motif 'pucuk rebung' dan 'lawi ayam'. Badan kain pula selalunya berhiaskan corak penuh ataupun corak bertabur dengan motif seperti 'bunga pecah empat atau enam'. Kaki kain ialah bahagian byang terletak di atas atau di bawah kain sarung.


Tradisi pemakaian kain sarung songket dan kain tenun diwarisi juga oleh keluarga diraja dan pembesar-pembesar negara. Pelbagai reka corak dan ragam hias yang halus buatannya dihasilkan oleh penenun-penenun istana menjadi pelengkap kepada busana diraja.





Terdapat dua cara memakai kain sarung iaitu dengan ikat *ombak mengalun* dan ikat *kuncup* atau ikat *tindih kasih*. Ikat *ombak mengalun* atau dikenali sebagai ikat *Johor-Riau* dipakai sama ada dengan baju kurung Johor, kurung Teluk Belanga atau baju kurung Cekak Musang. Kepala kain sama ada batik, tenun atau songket, diletakkan di belakang. Ikat *tindih kasih* pula biasanya dipakai oleh anak gadis dengan melingkupkan kepala kain di bahagian hadapan dan dipadankan dengan baju kebaya labuh, baju kurung Johor, baju Kedah, kebaya Cetia atau kebaya Nyonya.

Sarung juga dijadikan kain samping yang melengkapkan lagi bentuk berpakaian lelaki Melayu dan kadang kala digaya dalam pakaian wanita islam seperti pakaian Puteri Perak. Selain daripada itu, kain sarung juga berfungsi sebagai kain kelubung, selendang, ikat kepala dan selempang. Kain sarung turut dijadikan bahan hantaran perkahwinan *sebai* (selendang), alat kemudahan dan kelengkapan rumahtangga seperti selimut, buaian dan barang-barang keperluan.




Sarung Songket

Songket adalah jenis tekstil Melayu yang dihasilkan menggunakan teknik menyungkit benang emas. Benang emas atau perak sebagai pakan (*weft*) dililit dalam cuban (*needle*) melintang di celah benang loseng. Teknik menyungkit menghasilkan sulaman bunga menghiasi permukaan songket. Oleh itu kerap juga disebut sebagai songket cuban atau dikenali juga kain berpakan emas.


Umumnya sarung songket dibahagikan kepada empat bahagian iaitu badan, kepala, kapit kepala dan kaki kain. Setiap bahagian tersebut mengandungi motif hiasan hiasan yang tertentu. Bahagian kepala kain dihiasi motif pucuk rebung atau lawi ayam; kapit kepala kain biasanya menggunakan motif keluk sulur buyung; badan kain pula bermotifkan bunga pecah lapan, bintang dan tampuk manggis.

Songket mendapat tempat yang istimewa di kalangan bangsawan istana. Sehingga abad ke 16 Masihi, songket telah menjadi pakaian rasmi istana dan menjadi kelengkapan utama dalam upacara adat istiadat.





Sarung songket dipakai dengan baju kurungatau kebaya panjang yang dilengkapi dengan selendang atau kelubung. Ikatn ombak mengalun biasanya digayakan dengan baju kurung manakala baju kebaya digayakan dengan ikatan tindih kasih. Selain dijadikan samping, songket juga digayakan sebagai destar atau bengkung. Kini songket menjadi peralatan utama dalam istiadat perkahwinan.



Sarung Tenun Bercorak

Tenunan bercorak ialah hasil jalinan tenun benang pakan dan loseng yang berwarna. Tenunan bercorak dibahagikan kepada tenun benang kapas atau benang sutera. Di samping itu, terdapat benang emas yang diselitkan untuk mengimbangi motif jalur atau garis kecil dan ini memperlihatkan keindahan tenunan bercorak.

Kepelbagaian dan keindahan sarung tenunan bercorak dibahagikan kepada kain corak melintang, memanjang, ragi, corak Rawa (Bugis) dan corak Muar. Corak ini juga muncul di Kelantan, Terengganu dan Pahang. Di Pahang sendiri terkenal dengan istilah tenunan sutera Pahang yang dipercayai telah dibawa masuk ke Pahang pada abad ke 17 oleh orang-orang Bugis.

Jenis-jenis tenunan ini disebut sebagai tenunan bercorak kerana tidak terdapat bentuk motif yang digunakan kecuali ruang, petak dan jaluran. Dari segi penciptaan ragam hiasnya adalah bersifat sederhana. Tenunan corak Mandar adalah menggunakan corak kotak yang lebih halus dengan susunan warna yang lebih gelap seperti warna merah hati, biru, ungu tua, hijau hempedu, coklat perang dan coklat hitam dan ianya sesuai untuk pakaian lelaki. Tenunan corak Singkang pula menggunakan warna cerah seperti merah, kesumba, merah jambu, hijau serindit, kuning langsung malah berhias corak songket benang emas, ianya lebih sesuai dipakai oleh golongan wanita.





Sarung Batik

Sarung batik pula dihasilkan melalui teknik blok dan sutera saring. Kain sarung batik mempunyai pelbagai jenis motif, corak dan warna yang berlainan. Ia boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu kepala, badan dan kaki kain. Mengikut tradisi keindahan motif batik terletak pada kepala kain dengan reka bentuk 'pucuk rebung' atau 'lawi ayam'. Motif yang sama digunakan pada bahagian kaki kain. Sementara corak badan kain berilhamkan alam semulajadi seperti 'awan berarak', 'teluk berantai', 'mega melayang', 'bintang beralih', 'bunga raya', 'bunga cempaka' dan 'bunga tampuk manggis'.

Cara asas pemakaian kain batik adalah ringkas dan mudah serta diikat dengan pelbagai cara. Selain dijadikan basahan, kain sarung juga boleh dipakai semasa menyambut perayaan atau untuk menghadiri majlis perkahwinan. Kain sarung batik dipadankan dengan baju Kedah, baju kurung atau baju kebaya yang merupakan pakaian harian wanita tempatan. Sarung batik





juga digunakan sebagai kelubung atau tudung kepala bagi wanita-wanita desa yang bekerja di sawah bagi mengelakkan diri dari pancaran matahari yang terik.

Di Pantai Timur Semenanjung, kaum lelaki bekerja sebagai nelayan dan petani memakai semutar atau penutup kepala yang menggunakan kain batik sarung.



Rekacorak dan Motif Tradisional

Dari segi motif dan reka corak, kain sarung berciri tersendiri mengikut keperluan kegunaannya sama ada untuk pakaian harian, majlis-majlis tertentu ataupun istiadat. Keanggunan sarung warisan diperindahkan lagi dengan motif-motif yang digubah dari alam semulajadi seperti tumbuh-tumbuhan, unggas dan bentuk-bentuk geometri. Reka bentuk dan ragam hias ini lahir dari imaginasi dan kreativiti generasi terdahulu dan menjadi warisan dari generasi ke generasi. Motif-motif khusus telah digubah untuk menghiasi kepala, badan dan kaki sarung.

PUCUK REBUNG;

Motif ini berbentuk tiga segi yang diambil daripada bentuk rebung buluh. Di dalam segitiga tersebut dilukis sejenis bunga yang dikenali sebagai bunga berbaling.



BUNGA BERBALING;

Motif bunga berbaling. Ia selalu digunakan sebagai pengapit kepala pada kain sarung.



BINARIA;

Rekaan reka corak ini telah diambil daripada motif kerawang yang terdapat pada ukiran kayu di Semenanjung Malaysia.



BUNGA MAMAN;

Motif yang diilhamkan dari sebahagian bunga pokok maman. Motif ini digunakan pada blok kayu untuk kegunaan pada kain sarung menggunakan satu atau dua warna yang dikehendaki dan diterap dengan corak-corak.



SIRIH EMAS;

Motif ini berbentuk daun sirih dan dihiasi dengan reka corak paku pakis untuk menamnahkan lagi keindahan ragam hias tersebut



AKAR-AKAR MENJALAR;

Motif ini diperolehi daripada tumbuh-tumbuhan yang menjalar seperti pokok kacang. Rekabentuknya menunjukkan pokok kacang menjalar dan burung terbang.



POKOK ARA;

Motif yang diilhamkan dari sejenis pokok yang terdapat di hutan di Malaysia. Motif ini digunakan pada blok kayu untuk digunakan pada tepi kain. Kebiasaannya satu warna sahaja digunakan.




TAPAK SULAIMAN;

Kedua-dua motif ini ialah tapak sulaiman, tetapi bentuknya berlainan sedikit. Di Kelantan dan Terengganu motif ini dipanggil bunga bintang. Motif ini biasanya terdapat pada kain songket corak bertabur.







Pertanyaan sila hubungi :

PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA

Kompleks Kraf Kuala Lumpur

Jalan Conlay, 50450 Kuala Lumpur

Tel : 603 2162 7533 Faks : 603 2161 2181

Laman Web : <http://www.kraftangan.gov.my>